

29/01/1999

## Penubuhan Suruhanjaya Siasatan disokong

KUALA LUMPUR, Khamis - Langkah kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan bagi menyiasat dakwaan Datuk Seri Anwar Ibrahim dipukul sehingga cedera ketika dalam tahanan polis, mendapat sokongan pemimpin politik dan badan bukan kerajaan (NGO).

Mereka berharap penubuhan suruhanjaya itu dapat menyelesaikan persoalan yang bukan saja menyumbang kepada kegawatan politik di negara ini, malah mendapat perhatian serius masyarakat antarabangsa.

Bagaimanapun, pemimpin parti pembangkang masih mempersoalkan kelewatan penubuhan suruhanjaya itu yang disifatkan sebagai seolah-olah cubaan menutup apa sebenarnya yang berlaku kepada bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata penubuhan Suruhanjaya Siasatan itu adalah langkah baik dan tepat.

Beliau yang juga Menteri Pengangkutan berkata, pihaknya yakin anggota suruhanjaya itu akan melaksanakan tanggungjawab yang diberikan dengan adil.

"Saya tidak lihat anggota yang dipilih tidak berwibawa atau tidak berkelayakan," katanya selepas majlis pecah tanah Projek Perumahan Rakyat Kampung Pasir Lama, di sini hari ini.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, yang turut mengalu-alukan penubuhan suruhanjaya berkenaan berkata, ia akan menjurus kepada keadilan yang dituntut semua pihak.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi MIC, Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata sesiapa yang melakukan kesalahan mesti dihadapkan ke muka pengadilan.

"Saya fikir ini adalah satu keputusan yang baik kerana kita mesti cari kebenaran," katanya.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir, mengumumkan penubuhan Suruhanjaya Siasatan itu yang disifatkan sebagai bukti tidak wujud konspirasi yang dikatakan cuba disembunyikan kerajaan daripada pengetahuan umum.

Suruhanjaya Siasatan itu dipengerusikan bekas Hakim Besar Malaysia, Tan Sri Anuar Zainal Abidin dan dianggotai bekas Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Mahadev Shankar; Pakar Bedah Ortopedik, Datuk Neoh Poh Hong serta bekas Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika mengulas perkara itu berkata suruhanjaya berkenaan bebas daripada campur tangan kerajaan.

Isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, pula percaya Suruhanjaya Siasatan itu mampu melaksanakan tanggungjawab secara adil dan menyeluruh.

Sementara itu, Presiden Kelab Penyokong Kerajaan (BBC), Ruhanie Ahmad, berkata BBC menyokong langkah kerajaan bagi menyelesaikan perkara itu.

"Kita berharap langkah itu dapat mengakhiri segala tohmahan terhadap kerajaan," katanya.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyifatkan penubuhan suruhanjaya itu sebagai langkah terbaik bagi menghapuskan sebarang keraguan atau kebimbang rakyat terhadap kewibawaan serta perlakuan pasukan polis.

Presidennya, Senator Zainal Rampak, berkata suruhanjaya itu perlu diberi kuasa menyiasat dan menemuduga mana-mana pegawai atau individu tanpa mengira pangkat atau kedudukan mereka serta mengumumkan hasil siasatan.

"Kami ingin mengesakan suruhanjaya itu supaya mengumumkan hasil siasatan supaya tiada lagi keraguan di kalangan rakyat," katanya dalam kenyataan hari ini.

Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) pula berharap anggota suruhanjaya itu berpegang kepada prinsip keadilan dan kebenaran tanpa dipengaruhi mana-mana pihak yang berkepentingan.

"Ini akan membolehkan kepercayaan dan keyakinan rakyat kepada sistem keadilan di negara yang semakin terhakis mampu dipulihkan," kata naib presidennya, Asyraf Wajdi Dusuki dalam satu kenyataan.

Semalam, Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, berkata suruhanjaya itu sepatutnya sudah lama ditubuhkan seperti yang didesak pihak pembangkang sebelum ini.

Katanya, kelewatan penubuhannya sehingga selepas empat bulan kejadian pukul itu dikatakan berlaku hanya mengurangkan kepercayaan rakyat dan menunjukkan seolah-olah ada cubaan menutup kes itu.

Presiden Parti Rakyat Malaysia, Dr Syed Hussin Ali, turut mempersoalkan kelewatan penubuhan suruhanjaya itu.

(END)